



KEMALANGAN JALANRAYA:

Gambar hiasan

LIMPAHAN AIRMATA DAN DARAH

KITA bermula sahaja dari sini, dari apa yang berlaku pada 26 Disember 2009, jam 1.45 pagi kurang lebih, di Lebuhraya Utara-Selatan, tepatnya di kilometer 272.8, masih dalam daerah Ipoh. Kita tak perlu undur jauh sebelum itu, kepada kemalangan dan kecelakaan lain yang pernah meragut sekian banyak nyawa, kerana kita ingin bertolak dari sikap sebahagian kita setelah berlakunya tragedi pagi 26 Disember itu.

SEPULUH nyawa melayang sekaligus, sejumlah yang lain cedera, termasuk ada yang cedera parah, ketika bas ekspres dua tingkat terlibat dalam apa yang digambarkan "bukan uatu pertembungan", melainkan suatu "kecelakaan" yang sukar dibayangkan. Sepuluh jiwa yang melayang bukan kerana remuknya bas, melainkan kerana pecahnya dinding bas akibat terodok besi penghadang lebuhraya. Lalu, spontan selepas itu, berunculanlah beratus-ratus (barangkali beribu-ribu jika semuanya disiar atau dimuat-turun) komentar, e-mail,

surat pembaca dan khidmat pesanan ringkas, hampir seluruhnya dikirim ke media-massa, baik ke media cetak, mahu pun ke media elektronik. Maksud terbesar dari setiap komentar itu (selain dari barangkali hanya untuk melepaskan kesal meluahkan geram) adalah agar tragedi seperti itu tidak lagi berulang. Maka berhamburanlah cadangan-cadangan, yang sebahagian besar dari cadangan itu telah juga dikemukakan berkali-kali sebelumnya demi sahaja berlakunya kecelakaan yang serupa, baik ketika cuti perayaan mahu pun di luar

cuti panjang.

Hampir tak mampu untuk kita mengenengahkan semua cadangan tersebut, apatah antaranya kedegaranan mustahil dilaksanakan, sementara sebahagian yang lain pula begitu komplikated untuk direalisasikan. Namun, bertolak dari rasa prihatin dan kerana tak ingin lagi melihat kemalangan-kemalangan seumpama itu terus berulang, setiap pihak memang wajar untuk tampil mengagagakan idea, dan pihak-pihak yang kita namakan sebagai "pihak berwajib" sewajibnya menelaah setiap cadangan yang disuarakan tanpa mengambil kira apakah setiap "petunjuk" dan "nasihat" itu masuk di akal atau tidak, boleh dilaksanakan atau tidak. Yang pokok, maklukkan cadangan-cadangan itu, bawa berbincang, jadikan bahan kajian dan penelitan, lalu carilah formula yang betul-betul akan membantu.



Siapa pun kita, apatah andaikata kita adalah keluarga terdedak kepada mangsa-mangsa kemalangan itu, pasti akan berasa sangat terpuak.

Baru sebentar tadi kita menghantar anak kita ke stesen bas, lima jam kemudian kita terima panggilan telefon. Anak kita antara mangsa kemalangan. Baru beberapa jam lalu kita bermain sorok-semunyi beg pakaian dengan ibu kita di rumah, lalu melepaskan kedua-dua menaiki bas, beberapa jam ke hadapan kita dikejutkan oleh makluman yang mengejutkan. Kedua ibu-bapa kita telah didatangi ajal dalam kemalangan maut. Baru petang tadi kita mengusik mesera dua adik perempuan kita, tiba-tiba sedang kita tidur malamnya, telefon kita berdering. Kita menerima berita dua adik perempuan tersayang kita terkorban dalam kemalangan bas ekspres yang ditumpangi. Dan banyak lagi.... lebih banyak lagi pengalaman yang sukar ditulis dan dilafazkan, sekiranya kita mendekati sanak keluarga mangsa yang dijemput pergi ke alam baqa itu. Tidak ada penyakit. Tidak ada wabah. Tidak ada jangkitan virus. Semuanya semata-mata kerana kemalangan di jalan raya!

Tetapi itulah hakikatnya. Itulah takdir dan suratan; seluruhnya sudah pasti perlu difikirkan dengan serius akan punca dan akibatnya. Negara kita ini sebenarnya cukup bertuah kerana telah ditakdirkan berada di luar zona bencana alam, seumpama gempa bumi, ribut taufan, tanah longsor dan gunung berapi. Sungguhpun pada musim-musim tertentu kita mengalami sekian banyak ancaman gara-gara banjir atau kemarau panjang, namun pada hakikatnya kita tidaklah berada dalam lingkaran malapetaka yang tak mampu kita hindarkan.

Dengan itu, ketika kita mendengar atau membaca laporan-laporan bencana yang berlaku di luar negara yang mengakibatkan nyawa melayang, kita sewajarnya segera mengucapkan rasa syukur ke hadirat Allah, seraya berdoa dan menyemarakkan lagi rasa cinta kita kepada bumi pesaka ini. Kita tahu, berdasarkan situasi semasa, kita sebenarnya seolah-olah sedang terkepung. Telah ada petunjuk bahawa bencana-bencana yang sebelumnya jauh dari kita, bila-bila masa sahaja boleh menyerang kita. Gempa bumi dan ribut taufan misalnya, bukanlah jauh sangat dari kita. Bila-bila masa sahaja kita berada dalam keadaan terdedah - tanpa sebarang benteng penanaman.

Begitu pula, ketika kita menggelitik gerun sewaktu membaca angka-angka kematian dari pelbagai musibat di luar negara, yang pada akhirnya sekadar menjadi statistik dalam lipatan sejarah, kita tidak wajar untuk berasa "lega" hanya kerana di negara kita, kematian-kematian dalam jumlah yang besar begitu belum lagi terjadi. Ketika setengah juta jiwa melayang dalam tragedi tsunami yang melanda Aceh, Thailand, India, Sri Lanka dan Afrika Timur lima tahun lalu, kita yang turut terkena biasanya sekadar kehilangan tujuh puluh nyawa. Statistik itu tentulah, pada anggapan kita, sesuatu yang selalu memihak kepada kita, walau pun pada hakikatnya, baik banyak mahu



pun sedikit manusia yang terkorban dalam mana-mana bencana, kesan jangka panjangnya tetaplah menjadi trauma bagi sejarah bangsa dan negara.

Dan ini berhubungan langsung dengan apa yang setiap hari terjadi kepada kita. Kita mungkin berasa lapang dada setiap kali mendengar sekian banyak mangsa terkorban dalam malapetaka di negara luar kerana kita belum pernah mengalaminya, padahal andaikata kita melihat kepada tragedi-tragedi yang

berlaku di hadapan mata kita setiap hari, lalu kita mengumpulkannya, mendatarkannya, memberikannya perangkaan buatinya, kita akan terhenyak ketika kita dapat jumlah mangsa-mangsa kecelakaan, kemalangan dan tragedi yang melibatkan "manusia Malaysia", boleh saja mencecah ribuan orang setiap tahunnya!

Tetapi minggu-minggu terakhir Disember 2009 lalu itulah yang mengantarkan kepada kita sejumlah angka yang membuatkan kita gerun untuk menghitungkannya. Kemalangan-kemalangan jalanraya khususnya, mencatatkan jumlah yang begitu drastik. Di luar dari sebarang Ops Sikap yang biasa dilakukan oleh pihak Polis, apa yang bernama "kecelakaan" itu tidak lagi dihitungkan secara berurutan, melainkan dihebahkan satu demi satu berdasarkan hitungan jam. Berapa jam setelah kemalangan pertama, berlaku lagi kemalangan kedua, lalu diikuti oleh kemalangan-kemalangan berikutnya.

Bermula dengan kemalangan yang melibatkan sebuah bas ekspres dua tingkat yang melakukan operasi malam di Lebuhraya Utara Selatan (seperti yang ditulis pada lini awal tulisan ini) yang sekaligus merentap sepuluh jiwa, esoknya empat jiwa lain terkorban dalam kemalangan tiga motorak di Johor. Serentak itu, pada hari yang sama, atau sehari dan dua hari dan tiga hari kemudian, dilaporkan lagi serentetan kemalangan. Seorang demi seorang penunggang motosikal merempuh atau dirempuh maut. Sebuah demi sebuah motorak terlibat dalam kecelakaan, serentak mengorbankan lebih dari satu nyawa.

Lalu andaikata saja kita mengumpul-ngumpulkan kesemua jumlah itu (katakanlah hanya untuk satu bulan sahaja), barangkali angkanya mencapai ratusan; maka kalau dalam setahun? Mungkinkah menjangkau ribuan? Andaikan sahaja hitunganpanjangnya dalam setahun adalah seribu. Nah, seribu nyawa melayang hanya kerana kecelakaan di jalan raya, tidakkah itu sudah cukup banyak?

Maka andai pula kita campur-tambah lagi dengan kemalangan-dan-kecelakaan lain yang membawa maut, berapa jumlah sebenarnya? Kerana lemas di laut atau di sungai atau di tali air atau di longkang, kerana kebakaran, kerana jatuh bangunan, kerana tertimbus dalam tanah longsor, kerana terperangkap dalam tanah jerlus, kerana pembunuhan (akibat perompakan atau pergaduhan) dan bunuh diri.... Hitunglah semua itu!

Tidak ada kesan tersayang-hati kita, tidak ada kila-kila yang kurang malangnya berbanding orang-orang di luar sana, yang maut serentak akibat bencana alam?

Darah bercucuran, serentak airmata berlimpahan. Darah para mangsa korban kemalangan dan kecelakaan, airmata para ibu dan bapa dan saudara-mara mangsa.

Jika darah memang boleh disuk, huyunglah kita menyedut haryirnya. Jika airmata boleh diurak, akukan banjir kita dalam genangan pilu dan ratap tangis. Darah dan airmata yang bercampur, menjadi petanda betapa saat demi saat, siapa saja antara kita, bila-bila masa pun jua, boleh terdedah kepada ancaman kemalangan dan kecelakaan.

Maka di sana, darah dan airmata itu pulalah yang patut menjadi timbang-terima setiap pihak. Ketika ribuna usulan dipaparkan, disuarakan, dimesejkan, setiap pihak tidak boleh lagi berdiam diri dengan sekadar menjawab: "kita akan kaji". Pihak-pihak yang memonut usulan juga tidak harus sekadar "seronok" kerana kononnya mampu melontarkan idea-idea bernas lagi kedegaranan intelek, kalau pada masa yang sama tidak turut komited dengan tindakan berteladan.

Kita telah disodorkan dengan pelbagai macam usulan agar kemalangan dapat dicegah, serentak itu tampil pula pelbagai tohmahan yang sekadar hendak menyalah-nyalahkan pihak tertentu. Seringkali, pemandulah yang kerap disalahkan (padahal pemandu manalah yang sanggup membawa penumpang merempuh maut? Jadual perjalanan malam melewati jam satu pagi hingga ke enam pagi juga disebut sebagai penyebab (kerana secara psikologi, itu adalah masa untuk mata terlelap). Besi penghadang lebuhraya juga dicadangkan supaya ditukar dengan beton. Permukaan lebuhraya (dan jalan raya) juga diambil kira. Tiadanya lampu jalan, tiadanya penguatkuasaan dan sebagainya, bertubi-tubi diutarakan.

Semuanya boleh diambil kira, namun barangkali yang paling diharapkan oleh masyarakat umum adalah penguat-kuasaan yang betul-betul efisien. Ketika untuk urusan kenderaan di jalan raya kita hari ini harus berhadapan dengan pelbagai macam agensi (yang seolah-olah bertindih tindan), kita menyaksikan dengan mata kita sendiri betapa hampir setiap agensi penguatkuasaan kita di jalan raya bukan tampil untuk membantu atau mendidik pengguna, melainkan untuk menyaman pengguna. Setiap pihak seolah-olah menunggu pengguna jalan raya berbuat salah, lalu pemandunya akan diberitahu serentak akan terus disaman.

Khabarnya inilah (seperti yang sering diperbualkan di mana-mana sahaja) yang membezakan kita dengan banyak negara maju lain dalam aspek pengurusan kepenggunaan jalan raya. Di Amerika atau di Britain atau di Jepun atau di Australia, pihak penguatkuasa tidak terlalu cepat mahu menyaman setiap kali berhadapan dengan kenderaan yang kurang sempurna. Sekadar lampu brek kedua atau ketiga tidak menyala, sekadar nombor plat gugur satu angka, sekadar bunga tayar kurang piawai, itu semua bukan sebab untuk disaman, melainkan hanya akan diberi peringatan, akan diberi peluang supaya segera memperbaikinya, lalu peringatan itu dikomputerkan (direkodkan). Saman hanya baru dikeluarkan setelah pemandu yang sama tidak mengambil endah akan nasihat dan peringatan (ertinya apabila kesalahan demikian berulang).

Tetapi kita? Hampir apa sahaja kesilapan pemandu, seolah-olah tiada kompromi, melainkan akan disaman. Saman dan saman. Dan ini sudah tentu bukan solusi kepada pengurangan kemalangan di jalan raya.

Yang menyaman atau yang punya kuasa menyaman bukan satu agensi saja, Polis, JPJ, Penguatkuasa Alam Sekitar, LPKP, penguatkuasa PBT dan entah apa-apa dan siapa-siapa lagi seolah-olah jadi bghairah dan ketagih untuk menyaman. Alhasilnya?

Hasilnya tidak akan sampai ke mana, kerana yang mustahak adalah mendidik (walau pun sudah pasti pada tempat dan ketikanya harus bertindak tegas). Ya, mendidiklah. Bertindaklah sebagai penunjuk arah. Bantu mana yang patut. Jika hendak menyaman, samalah pemandu-pemandu brutal, pemandu-pemandu liar,

pemandu yang tak memiliki lesen yang sah, pemandu-pemandu yang menjadikan kenderaan mereka sebagai disko, pemandu-pemandu mabuk, pemandu-pemandu yang sama sekali melanggar peraturan, pemandu-pemandu samseng; bukan pemandu-pemandu yang tersesat, misalnya pemandu yang datang jauh dari utara, tiba-tiba termasuk jalan "no entry" di sebuah bandar di selatan, yang tanda "no entry" pun terlindung di sebalik sekian banyak papan iklan!

Dan serentak itu, setelah lebih lima puluh tahun merdeka, setelah sekian banyak projek mega kita bangunan hanya kerana kita mahu negara kita selalu "nombor satu", maka bermulalah secara adil dan merata. Kita mungkin telah lewat, tapi kita masih sempat membangunkan infrastruktur itu dengan wang negara kita yang melimpah.

Ya, segeralah membina lebih banyak landasan bagi meluaskan khidmat pengangkutan rel, baik namanya kereta api atau apa sahaja. Sudah waktu laluan ke Tumpat dari Gemas menggunakan landasan berkembar, pada setengah-setengah destinasi menggunakan LRT/Komuter. Sudah waktunya juga laluan rel dibina antara Mentakab terus ke Kuantan terus ke Kuala Terengganu dan terus ke Kota Bharu. Boleh saja laluan di pantai barat diberi keutamaan, tetapi janganlah abaikan langgusung apa yang diperlukan oleh pantai timur. Kian lama kita bertangguh, kian terdesak kita jadinya!

Maka bertindaklah sebelum kita betul-betul terlambat!

